

Pelan Imunisasi Kebangsaan selamatkan jutaan nyawa

Kuala Lumpur: Masih sangsi dengan keberkesanan vaksin dan fungsinya yang menyelamatkan jutaan nyawa manusia saban tahun? Tahukah anda negara telah melaksanakan pelbagai program imunisasi dengan jayanya sejak tujuh dekad lalu sehingga penyakit seperti polio dan cacar air kini hanya tinggal sejarah?

Saintis Ts Dr Ummirul Mukminin Kahar daripada Institut Genom Malaysia, Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) menceritakan sejarah kejayaan Pelan Imunisasi Kebangsaan menyelamatkan dua hingga tiga juta nyawa rakyat Malaysia setiap tahun daripada pelbagai penyakit cegahan vaksin.

"Di Malaysia, Pelan Imunisasi Kebangsaan diperkenalkan pada awal 1950. Perkhidmatan itu diberikan se-

cara percuma untuk melindungi kanak-kanak daripada jangkitan tuberculosis (batuk kering), Hepatitis B, difteria, pertussis (batuk kolik), polio, measles (campak), mumps (beguk), rubella, human papillomavirus (HPV) dan Japanese encephalitis (JE).

"Untuk pengetahuan, Malaysia diiktiraf bebas daripada polio pada sekitar 2010 oleh WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) dan pengiktirafan ini adalah satu kejayaan besar kepada Pelan Imunisasi Kebangsaan," katanya.

Katanya, penyakit polio juga berjaya dibasmi di tiga benua iaitu Amerika, Eropah dan Pasifik Barat.

Menyingkap lagi mengenai kejayaan vaksin dunia, Dr Ummirul Mukminin memberi contoh penyakit *smallpox* (cacar air) dengan

kadar kematian yang tinggi serta kesan parut atau buta pada mangsa yang dijangkiti berjaya dibasmi di seluruh dunia pada 1980.

"Contoh saya sebutkan tadi menunjukkan proses vaksinasi berjaya mengurangkan dengan ketara kadar kematian akibat penyakit cegahan vaksin," katanya.

Beliau menegaskan seperti semua ubat, vaksin juga menjalani ujian yang rapi untuk memastikan ia selamat sebelum dapat diperkenalkan di sebuah negara termasuk di Malaysia.

"Secara amnya, vaksin akan diuji buat pertama kali pada haiwan untuk menilai keselamatan dan potensinya untuk mencegah penyakit. Ia kemudian diuji bagi keberkes-

nan dan keselamatannya dalam ujian klinikal manusia di bawah seliaan badan tertentu mengikut piawaian yang ketat seperti CDC (Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit) dan FDA (Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan) di Amerika Syarikat dan WHO.

"Di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui NPRA (Bahagian Regulatori Farmasi Negara) akan menjalankan penyelidikan dan ujian dengan rapi sebelum meluluskan sesuatu vaksin dan ia perlu menepati kesemua tiga ciri utama iaitu selamat, berkesan dan stabil," katanya.

NPRA turut memantau rapi semua laporan mengenai kesan sam-

pingan terutama yang berkait dengan vaksin yang akan diperoleh dan sentiasa berkomunikasi dengan syarikat pengeluar, WHO serta badan kawal selia seumpamanya di seluruh dunia.

Bagi vaksin Covid-19, walaupun terdapat laporan kesan alahan kepada penerima selepas divaksinasi, namun vaksin bukan penyebab reaksi alahan itu.

Kesan sampingan ringan daripada vaksin Covid-19 termasuk kemerahan atau sakit di tempat cucukan vaksin, namun ia akan pulih selepas dua hingga tiga hari, oleh itu katanya rakyat tidak perlu bimbang.

Mengulas mengenai gofongan antivaksin yang terus menanam rasa curiga kepada masyarakat agar tidak menerima vaksin termasuk vaksin Covid-19, Dr Ummirul Mukminin memberi nasihat

agar mendapatkan sumber dan maklumat yang sahih bagi mengatasi ketidakpercayaan kepada vaksin.

Rakyat boleh mendapatkan maklumat itu daripada laman web atau media sosial Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV), KKM, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dan Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

"Secara kolektif, manfaat imunisasi adalah lebih besar daripada risikonya yang dikaji dan diketahui. Impak pengambilan vaksin tidak akan dapat dilihat dalam masa yang singkat.

"Ia memerlukan satu tempoh masa sehingga kita dapat memberi vaksinasi kepada sejumlah anggota masyarakat untuk melihat pengurangan bilangan jangkitan," katanya. - Bernama

NPRA pantau rapi laporan mengenai kesan sampingan vaksin